

PM tidak pernah arah BPR henti siasatan

BH 14 JUL 2000

Laporan Zulkofli Jamaludin dan Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak pernah mengarahkan bekas Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Shafee Yahya, menghentikan atau menutup siasatan terhadap bekas Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman.

Malah, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Douglas Uggah Embas, berkata siasatan itu kini diteruskan oleh Ketua Pengarah BPR, Datuk Ahmad Zaki Husin.

“Ini menunjukkan kes itu tidak pernah ditutup,” katanya ketika menjawab ucapan penangguhan Abd Rahman Yusof (Fas-Kemaman), yang mendakwa BPR tidak bebas meneruskan penyiasatan berikutan arahan Perdana Menteri menghentikannya.

Beliau berkata, dakwaan ada penyalahgunaan kuasa dan

usaha melindungi rasuah serta menghalang perjalanan proses keadilan adalah tidak bertanggungjawab serta melulu.

Bagaimanapun, katanya, pihak tertentu membuat aduan polis mengenai keterangan Shafee di mahkamah.

“Polis masih menjalankan siasatan terhadap aduan itu. Oleh itu sebarang perbincangan berhubung perkara ini akan menjadi subjudice,” katanya.

Douglas berkata, kebebasan badan itu menyiasat terbukti apabila kepemimpinan tertinggi kerajaan, termasuk di peringkat pusat dan negeri sudah dihadap ke mahkamah serta dijatuhi hukuman.

“Kebebasan BPR menjalankan tugas dan siasatan tidak pemah terjejas akibat teguran, kritikan dan nasihat mana-mana pihak, termasuk oleh Perdana Menteri sendiri,” katanya.

Malah, katanya, Dr Mahathir sendiri mengingatkan BPR supaya lebih berhati-hati dan bertindak secara profesional kerana penyiasatan BPR adalah sensitif dan terdapat keadaan isu-isu rasuah boleh dipolitikkan oleh sesetengah pihak yang mempuny-

nyai agenda tertentu.

Semalam Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil Mohd Noor, mengemukakan usul untuk menangguhkan mesyuarat Dewan Rakyat bagi membincangkan dakwaan rasuah terhadap Dr Mahathir.

Bagaimanapun, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail, ketika menolak usul itu berkata perkara berkenaan tidak perlu disegerakan kerana polis sedang mengadakan siasatan.

Mahkamah Tinggi dalam perbicaraan kes liwat bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, diberitahu saksi pembela, Shafie, bahawa beliau dihalang daripada melakukan siasatan selepas dimarahi Perdana Menteri.

Douglas berkata, BPR adalah badan yang ditubuh untuk mencegah dan membanteras segala bentuk jenayah rasuah

secara tegas dan adil, tanpa prasangka mengikut undang-undang.

Pelaksanaan itu dibuat bagi memastikan risikan dan siasatan setiap kes perlakuan rasuah dijalankan secara teliti, menyeluruh dan objektif.

Beliau berkata, BPR juga adalah sebuah badan bebas untuk menyiasat sesiapa saja mengikut kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Kebebasan BPR untuk menyiasat itu termaktub mengikut Seksyen 8 Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Mengikut akta itu: Adalah menjadi kewajipan Ketua Pengarah dan pegawai badan untuk menerima dan menimbangkan apa-apa aduan tentang perlakuan kesalahan di bawah akta ini dan menyiasat mana-mana aduan itu sebagai mana yang difikirkan praktikal oleh Ketua Pengarah dan pegawai.